



PEKELILING NAIB CANSELOR BIL. 4/2020

**DEKAN/PENGARAH/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**COVID-19: GARIS PANDUAN BEKERJA SEBAGAI LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN WABAK
COVID-19 DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas dan Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Malaysia mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah berkaitan.

2. Seperti YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Malaysia pada 1 Mei 2020 telah memaklumkan pelaksanaan PKPB dengan memberi kebenaran sebahagian besar aktiviti ekonomi dan sosial beroperasi mulai 4 Mei 2020, tertakluk kepada syarat-syarat dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

3. Selari dengan Perutusan Khas ini, Pengurusan UKM berpendirian konsep bekerja dari rumah (*work from home*) hendaklah diutamakan, memandangkan pihak Kerajaan belum menamatkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepenuhnya. Sehubungan itu, UKM telah mengambil inisiatif membangunkan Garis Panduan Bekerja Mulai 4 Mei 2020. Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan tatacara pelaksanaan bekerja mulai 4 Mei 2020 sebagai rujukan dan panduan kepada Ketua Jabatan.

4. Ketua Jabatan hendaklah mengadakan perbincangan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTj) masing-masing untuk menyusun semula keperluan staf yang hadir ke pejabat bagi proses kerja yang memerlukan keberadaan di pejabat dan keperluan terdesak, dengan mengutamakan konsep bekerja dari rumah. Ini merupakan langkah pencegahan penularan wabak Covid-19 di UKM disamping memelihara kebajikan staf dan memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat dalam tempoh PKPB ini.

PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5001 Faks: +603-8921 4242 E-mel:ncukm@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselor



5. Bilik Gerakan Khas Covid-19 di Pusat Kesihatan UKM masih berjalan seperti biasa. Bilik Gerakan ini akan sedaya upaya membantu menyediakan penjelasan kepada warga berkaitan Covid-19. Sebarang pertanyaan dan bantuan boleh menghubungi:

i. **Pusat Kesihatan Universiti**

Dr. Mohd. Azman Abas ditalian 03-8921 5403 / e-mel: drazman@ukm.edu.my,
Dr. Arif Nasar Sulaiman ditalian 03-8921 3554 / e-mel: arifnasar@ukm.edu.my, atau
Dr. Masdalina Azhari, ditalian 03-8921 3689 / e-mel: masdalina81@ukm.edu.my.


ii. **Pejabat Pendaftar**

Dr. Hjh Ina Md Yasin ditalian 03-8921 4888 / e-mel: pdftar@ukm.edu.my;
Encik Muhammad Faris Zaharudin ditalian 03-8921 3671 / e-mel: muhammadfaris@ukm.edu.my
Encik Muhammad Amirul Abdul Razak ditalian 03-8921 3871 / e-mel: amirulrazak@ukm.edu.my

6. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mengekalkan keselamatan Kampus agar bebas daripada wabak Covid-19 adalah amat dihargai. Semoga amanah ini dapat dijalankan dengan penuh tanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROF. DATO' IR. DR. MOHD HAMDI ABD SHUKOR
Naib Canselor

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
 - Pendaftar
 - Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah Pusat Kesihatan Universiti
 - Merangkap Setiausaha Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit

PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5001 Faks: +603-8921 4242 E-mel: ncuکم@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori

